

## KENYATAAN TENDER

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD ("MRT Corp") adalah 100% dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan dan pemaju dan pemilik aset projek Mass Rapid Transit Lembah Kelang ("KVMRT").

MRT Corp merancang untuk membangunkan "Mass Rapid Transit Lembah Kelang Laluan 3: Laluan Lingkaran" ("Laluan CCL").

Laluan CCL adalah sistem ketiga bagi KVMRT selepas Jajaran Sungai Buloh-Kajang (SBK) yang sedang beroperasi dan Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) yang sedang di dalam pembinaan. KVMRT merupakan Projek Perintis di bawah *Greater KL/Klang Valley National Key Economic Area (NKEA)* bagi tujuan mencapai kadar pengguna pengangkutan awam sebanyak 40% pada tahun 2030. Sistem KVMRT akan menjadi tulang belakang Rangkaian Keretapi Bersepadu Lembah Klang untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam.

Laluan CCL merangkumi Terowong, Jejambat, Stesen, Depoh, Landasan Keretapi, Gerabak Keretapi, Isyarat Keretapi, Bekalan Kuasa dan struktur dan perkhidmatan yang lain.

TAJUK & NOMBOR TENDER	TAKLIMAT TENDER
<p><b>TENDER FOR TURNKEY : ENGINEERING, PROCUREMENT, CONSTRUCTION, TESTING &amp; COMMISSIONING OF TUNNELS, VIADUCTS, STATIONS, DEPOTS, TRACKWORKS, ROLLING STOCK, SIGNALLING, POWER SUPPLY AND OTHER ASSOCIATED WORKS BAGI PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG LALUAN 3, CIRCLE LINE (CCL)</b></p> <p>Skop kerja bagi Penender yang berjaya adalah termasuk <i>Engineering, Procurement, Construction, Testing and Commissioning</i> bagi projek secara <i>turnkey</i> dan menyediakan pembiayaan mengikut keperluan cadangan pembiayaan.</p> <p>Penender yang menyertai tender ini tertakluk kepada kapasiti kewangan, keupayaan teknikal, rekod prestasi dan cadangan pembiayaan mereka.</p> <p>Skop am kerja hendaklah mengandungi antara lain perkara-perkara berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>40 km Landasan MRT, 32 km Terowong <i>Twin Bored</i> dan 8 km Jejambat Bertingkat termasuk <i>ancillary buildings, escape shafts, intervention shafts, electrical supply substations, traction supply substations</i> dan sebagainya. Kerja-kerja tetap tersebut itu hendaklah direka bagi membolehkan keretapi itu beroperasi pada kelajuan maksimum 100kph dengan sistem operasinya yang terbukti bagi <i>Grade of Automation - Level 4 (GoA 4) signalling systems</i> bagi sistem metro bandar tanpa pemandu</li> <li>26 Stesen iaitu 19 Stesen Bawah Tanah dan 7 Stesen Bertingkat</li> <li>2 Depoh (1 <i>Primary</i> dan 1 <i>Secondary</i>)</li> <li>Kerja pembinaan landasan keretapi, gerabak keretapi, <i>signalling</i>, bekalan kuasa dan kerja-kerja sistem yang lain</li> </ol> <p>Kerja-kerja lain yang berkaitan yang diperlukan.</p> <p>No. Tender L3-MRTC-GENE-OVPR-TEN-00002</p>	<p>Tarikh : <b>Rabu, 15 November 2017</b></p> <p>Masa : <b>9.30 pagi (Waktu tempatan)</b></p> <p>Tempat : <b>Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, Perak Auditorium, Tingkat 7, Menara I&amp;P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.</b></p> <p>Penender perlu mendaftar pada pukul 8.30 pagi sehingga 9.30 pagi. Maksimum 4 wakil daripada setiap Penender dibenarkan hadir.</p> <p>Wakil dari Penender yang berminat mestilah kakitangan yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang kerja tender dan kontrak serta diberi kuasa oleh syarikat.</p> <p>Wakil Penender mestilah mengemukakan Surat Wakil semasa menghadiri taklimat tender pada tarikh, masa dan tempat yang tertera di atas.</p>

**Nota:**

Untuk membeli Dokumen Tender, Penender mesti mengemukakan perkara-perkara berikut:

- Surat Kebenaran untuk membeli Dokumen Tender yang dicetak di atas kepala surat syarikat Penender. Penender mestilah sekurang-kurangnya menjadi rakan kongsi kepada syarikat yang menyertai tender.
- Bayaran Dokumen Tender yang tidak dikembalikan sebanyak RM53,000 termasuk GST dalam bentuk Bank Deraf atau *Banker's Cheque* dan dibayar kepada Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd.

Dokumen Tender boleh dibeli mulai **15 November 2017 (selepas taklimat)** sehingga **29 November 2017** di:

TEMPAT PENJUALAN DOKUMEN TENDER	WAKTU PENJUALAN DOKUMEN TENDER
<p>Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I&amp;P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.</p>	<p>Isnin hingga Khamis: 9.00 pagi – 12:30 tengah hari &amp; 2:00 petang - 5:00 petang Jumaat: 9.00 pagi - 12:00 tengah hari &amp; 3:00 petang – 5:00 petang (Kecuali pada Cuti Am)</p>

Dokumen Tender yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan *TENDER FOR TURNKEY: ENGINEERING, PROCUREMENT, CONSTRUCTION, TESTING & COMMISSIONING OF TUNNELS, VIADUCTS, STATIONS, DEPOTS, TRACKWORKS, ROLLING STOCK, SIGNALLING, POWER SUPPLY AND OTHER ASSOCIATED WORKS* bagi PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG LALUAN 3, CIRCLE LINE (CCL). Tajuk mestilah ditulis/dicetak di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Perolehan seperti alamat di atas tidak lewat dari jam 12:00 tengah hari, 29 Disember 2017.**

Penyerahan tender mestilah disertai dengan Bon Tender, dalam bentuk Jaminan Bank (Bank Guarantee) atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd** berjumlah Ringgit Malaysia: **Lima Juta Sahaja (RM5,000,000.00)** yang sah untuk tempoh **satu ratus lapan puluh (180) hari** dari Tarikh Tutup Tender. MRT Corp akan menolak mana-mana tender yang gagal mengemukakan Bon Tender.

Selain dari syarat-syarat tender di atas, Penender **WAJIB** memenuhi Kriteria Mandatori seperti berikut:

KRITERIA MANDATORI		
KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN	KEPERLUAN KEUPAYAAN TEKNIKAL	KEPERLUAN CADANGAN PEMBIAYAAN
<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Modal Berbayar atau Dana Pemegang Saham*</b> (berdasarkan tahun kewangan terkini) (dengan syarat bahawa Dana Pemegang Saham adalah lebih tinggi antara keduanya)</li> <li>Untuk Gabungan, hendaklah tidak kurang daripada RM5 bilion</li> <li><b>Nisbah Purata Keuntungan Bersih/Turnover</b> lebih 3 tahun mesti positif</li> </ul> <p><b>Nota: * Untuk usahasama (Joint Venture), penilaian keupayaan kewangan adalah berdasarkan ekuiti usahasama/konsortium.</b></p>	<p>Penender telah berjaya menyiapkan semua projek yang dinyatakan di bawah dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Bagi usahasama, rekod pengalaman bagi ahli-ahli usahasama akan diambil kira.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Kerja-kerja awam iaitu SAMA ADA dua (2) projek metro bandar dengan nilai kontrak sekurang-kurangnya RM5 bilion ATAU satu (1) projek metro bandar dengan nilai kontrak sekurang-kurangnya RM10 bilion, dalam setiap kes kerja-kerja yang dianugerah adalah secara <i>Design &amp; Build</i> atau <i>Turnkey</i>;</li> <li>Dua (2) projek terowong di dalam bandar menggunakan <i>Slurry/Mixed Shield</i> dan <i>Earth Pressure Balance (EPB) Tunnel Boring Machines (TBM)</i> (Mesin Penggerudi Terowong Bergerak) melebihi 6m diameter di dalam batu dan <i>mixed face conditions</i> termasuk sekurang-kurangnya satu (1) projek terowong dengan minimum 8 km (<i>twin bored</i>);</li> <li>Lima (5) stesen transit keretapi bawah tanah dalam satu (1) projek;</li> <li>Lima (5) stesen transit keretapi laluan bertingkat (<i>elevated</i>) sepanjang 10 km dalam satu (1) projek;</li> <li>Satu (1) depoh transit keretapi, dengan kemudahan penyelenggaraan berat;</li> <li>Kerja-kerja sistem SAMA ADA dua (2) projek metro bandar dengan nilai kontrak sekurang-kurangnya RM2 bilion ATAU satu (1) projek metro bandar dengan nilai kontrak sekurang-kurangnya RM4 bilion, dalam setiap kes kerja-kerja yang dianugerah adalah secara <i>Design &amp; Build</i> atau <i>Turnkey</i>. Kerja-kerja pakej sistem bagi projek tertentu boleh digabungkan dengan pakej sistem yang berbeza dari projek lain dalam jumlah kontrak yang diperlukan. Contohnya, pakej gerabak keretapi RM1.2 bilion di Negara A boleh digabungkan dengan pakej <i>signalling</i> RM0.5 bilion di Negara B serta pakej komunikasi RM0.3 bilion di Negara C; dan</li> <li>Projek-projek sistem metro bandar tanpa pemandu (<i>driverless</i>) yang terbukti operasinya dengan <i>Grade of Automation - Level 4 (GoA 4) signalling systems</i>. Hanya syarikat yang memiliki/mengawal hak harta intelek <i>Grade of Automation - Level 4 (GoA 4) signalling systems</i> diambil kira dalam keperluan ini.</li> </ol>	<p>Cadangan pembiayaan yang dikemukakan hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Tempoh Minimum Pembiayaan 30 tahun (<i>Drawdown</i> sehingga 2028);</li> <li>Tempoh Minimum Moratorium 8 tahun;</li> <li>Margin Pembiayaan tidak kurang 90% daripada kos projek;</li> <li>Pembiayaan kewangan hendaklah di dalam Ringgit Malaysia, Dolar Amerika Syarikat, Renminbi Cina, Japanese Yen atau Euro sahaja.</li> </ol> <p><b>Nota:</b> Pembiayaan kewangan hendaklah di dalam satu mata wang sahaja yang mana mesti sama dengan mata wang bagi pembayaran harga kontrak.</p>

**Nota:**

- Penender dibenarkan untuk membentuk satu usahasama (JV), konsortium, perkongsian atau seumpamanya (dengan atau tanpa entiti undang-undang berasingan) (setiap 'JV'). Setiap JV tidak harus mempunyai lebih daripada 8 ahli.
- Penender dibenarkan menyerahkan hanya satu (1) tender sama ada sebagai entiti tunggal atau usahasama. Penender yang didapati telah mengambil bahagian di dalam lebih daripada satu (1) penyerahan tender secara automatik hilang kelayakan untuk semua tender ini.
- Penender **WAJIB** menghadiri taklimat tender sepertimana yang dijadualkan di atas.
- Dokumen Tender akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Penender boleh meneliti *Tender Table Document (TTD)* sebelum membuat pembelian.
- Kesemua Penender mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
- Dokumen Tender hanya akan dijual kepada Penender yang menghadiri taklimat tender. MRT Corp **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Tender sebelum dan/atau selepas waktu yang telah ditetapkan.
- Dokumen Tender ini hanya akan dijual kepada wakil Penender yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil Penender **WAJIB** mengemukakan **Surat Pengesahan** sebagai wakil.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan difakskan ke talian **603 2095 2121** atau diemelkan ke [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my). Maklumat lanjut mengenai MRT boleh dilayari di laman web kami di [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my).
- MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, meminta penjelasan selanjutnya dari mana-mana Penender serta membatalkan proses tender ini dan menolak kesemua permohonan pada bila-bila masa tanpa menyatakan apa-apa sebab dan tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Penender yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
- Penender diingatkan bahawa pada **4 Disember 2017**, mereka perlu mengemukakan maklumat mengenai dua (2) tapak rujukan, salah satunya adalah di luar dari negara asal mereka, untuk membolehkan siasatan "due diligence" dilakukan.